

23/04/2003

Kilang baru Proton operasi akhir tahun

Azli Ayob

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton), akan mengeluarkan kereta model

baru yang direka bentuknya sendiri menggunakan enjin Campro di kilang barunya di Proton City, Tanjung Malim mulai akhir tahun ini.

Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff, berkata ketika ini, kerja pembinaan kompleks kilang baru syarikat yang bernilai RM1.8 bilion itu sudah hampir siap dan mengikut jadual.

Katanya, bangunan kilang yang mampu mengeluarkan sehingga 150,000 unit kereta setahun itu sudah 90 peratus siap, pemasangan peralatan dan kelengkapan (56 peratus) manakala keseluruhan projek (72 peratus).

"Kami merancang pengeluaran awal sekitar 20,000 unit kereta setahun dapat dibuat mulai akhir tahun ini," katanya pada sidang media sempena lawatan ke kilang terbaru Proton di Tanjung Malim, semalam.

Kilang di Proton City itu dibangunkan di tapak seluas 512 hektar, kira-

kira 11 kilometer dari bandar Tanjung Malim dan 81 kilometer dari Kuala Lumpur yang dihubungi menerusi Lebuhraya Utara Selatan (NSE).

Tengku Mahaleel berkata, kilang terbaru itu banyak menggunakan teknologi automasi terkini dan robotik yang dapat membantu mempercepatkan pengeluaran kereta dan pada masa yang sama mengurangkan jumlah pekerja pemasangan.

Menurutnya, ia yang lima kali lebih besar daripada kilang Proton di Shah

Alam, bukan saja dapat meningkatkan mutu kereta malah menambah jumlah pengeluaran kerana mampu mengeluarkan lebih daripada tiga model serentak.

Beliau berkata, kilang itu juga mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran pada bila-bila masa mengikut kehendak pasaran dan kebanyakan sistemnya berasaskan kepada konsep pengeluaran Toyota yang lebih cekap dari segi kos.

"Ia dapat mengurangkan sehingga 20 peratus kos pengeluaran berbanding kilang di Shah Alam. Kami membuat perancangan teliti membangunkan kilang ini selepas mengambil kira kelemahan kilang di Shah Alam," katanya.

Tengku Mahaleel berkata, selepas kilang di Proton City mula beroperasi,

loji di Shah Alam akan terus digunakan sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) kerana pusat berkenaan sudah dibangunkan di situ.

Kilang di Tanjung Malim dibangunkan oleh Proton manakala keseluruhan pembangunan Proton City diserahkan kepada Proton City Development Corporation (PCDC), syarikat usaha sama di antara Proton dan Kumpulan DRB-Hicom.

Majlis pecah tanah projek Proton City dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 1996 tetapi projek itu ditangguhkan pada Januari 1998 berikutan kegawatan ekonomi dan kerja pembinaan disambung semula pada Januari 2002.

